



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|--------------|---|--------------|------------|---|----|
| SURAT KHABAR | : | SINAR HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 15/6/2021 | MUKA SURAT | : | 25 |
| JABATAN | : | KeTSA | | | |

Tambah keluasan Hutan Simpan Chini

Pemangku Raja Pahang titah demi menjaga flora dan fauna di Tasik Chini

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN BIN NIK MIN

KUANTAN

Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menyarankan agar Hutan Simpan Chini, Pekan yang

berkeluasan 4,600 hektar diperluaskan kepada 6,000 hingga 7,000 hektar.

Baginda bertitah, ia bagi menjaga kepentingan flora dan fauna di Tasik Chini dan kawasan sekitarnya.

Pengelola Bijaya Diraja Sultan Pahang, Datuk Ahmad Khirrizal Ab Rahman menerusi satu kenyataan berkata, Tengku Hassanal mahu usaha memulihara dan memelihara kawasan Tasik Chini terus dipergitikan termasuk memulihkan semula kawasan bekas lombong di kawasan terbabit dengan penanaman pokok hutan yang bersejukan.

Beliau berkata, usaha itu perlu melibatkan kerjasama antara kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan.

Menurutnya, baginda turut menyarankan agar Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Budaya (MOTAC) serta Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) memberi keutamaan dalam peruntukan kewangan serta pembangunan lestari Tasik Chini yang diberi status sebagai rizab biosfera oleh Unesco itu.

"Aktiviti penguat kuasa secara bersepadu dan berkala melibatkan agensi penguat kuasa negeri dan Persekutuan juga perlu diperkatakan," kata kenyataan tersebut pada Isnin.

Ahmad Khirrizal berkata, Tengku Hassanal mengambil berat dan sentiasa memantau usaha dilaksanakan kerajaan negeri dalam memastikan alam sekitar di negeri ini sentiasa terjaga.

"Justeru, baginda mahu Tasik Chini yang merupakan permata alam di negeri ini yang mendapat pengiktirafan dunia itu terus dipertahankan. Aktiviti



TENGGU HASSANAL

perlombongan di kawasan itu juga perlu dihentikan.

"Isu aktiviti perlombongan di Tasik Chini yang diperkatakan di laman sosial ketika ini mendapat perhatian baginda. Baginda sendiri telah mengadakan lawatan tapak secara mengejut di kawasan itu pada Ahad," katanya.

Tambah beliau, selain meneliti laporan dan gambar berhubung aktiviti perlombongan yang tular

di laman sosial dan hasil penelitian pada lawatan pada Ahad, Tengku Hassanal turut dipersembahkan laporan berhubung aktiviti itu serta usaha pemuliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

"Justeru baginda bersetuju dengan keputusan kerajaan negeri yang tidak lagi mengeluarkan lesen baharu bagi aktiviti perlombongan di kawasan tersebut," ujar beliau.



Hutan Simpan Chini di Pekan berkeluasan 4,600 hektar ketika ini akan ditambah keluasan.

Sinar

“**MUAT TURUN**
SINAR HARIAN MOBILE APP